

TEKS UCAPAN

**MEJAR (K) DR. MOHD MIZAN BIN
MOHAMAD ASLAM**
REKTOR KUIPs

**DALAM MAJLIS PERASMIAN
PENUTUPAN ROADSHOW
INTEGRITI 2018**

9.00 PAGI

**PADA 30 JANUARI 2018, BERTEMPAT DI
DEWAN HARUMANIS, PERLIS**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.**

Salam 1 Malaysia, Salam Sejahtera, Salam Perlis.

**“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis
Maju”**

Salam KUIPs, Syumul, Taqwa, Dinamik

(solutation)

YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff,

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)

Pertama sekali saya melafazkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya saya dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Penutupan Titah Integriti Diraja & Roadshow Integriti 2018 pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

Saya amat berbesar hati dan merasa gembira kerana Perlis dapat menjadi salah satu negeri yang menjadi tuan rumah untuk roadshow integriti 2018 anjuran Institut Integriti Malaysia (Integriti) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs).

Syabas dan tahniah kepada ahli- ahli Jawatankuasa yang terlibat seperti Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

atas komitmen dan kesungguhan dalam menjayakan roadshow integriti pada kali ini.

Hadirin sekalian,

Integriti sering kali dikaitkan dengan rasuah namun, Inegriti sebenarnya adalah kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dengan komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan juga organisasi. Oleh itu, roadshow yang diadakan pada kali ini adalah satu usaha untuk membantu negeri-negeri seperti Perlis dalam menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti.

Pegawai integriti yang telah dilantik sebagai Pegawai Profil Negeri (PPN) ini akan melaksanakan dan membangunkan pemetaan negeri berdasarkan isu dan masalah integriti di setiap negeri serta mengemukakan cadangan pelbagai program intervensi.

Melalui program ini juga, integriti akan memperkenalkan produk, instrumen dan penerbitan integriti, antaranya *Integrity Assesement Tools (IAT)*, *Malaysian Integrity Profiling (MIP)*, *Pembangunan Integriti Organisasi (PIO)*, *Model Integriti Prasekolah (MIPs)* yang digunakan dalam usaha untuk memantapkan agenda integriti. Selain daripada sesi taklimat, pameran akan turut diadakan pada masa yang sama.

Selain itu, hasil dapatan diskusi bengkel hala tuju daripada peserta program *Roadshow* integriti yang mana menengahkan tiga isu utama dan tiga penyelesaian

dalam aspek integriti di negeri dimana *roadshow* itu dijalankan.

Hadirin sekalian,

Pada masa yang sama, hasil pengisian program ini diharapkan akan memberi input awal kepada penyediaan Laporan Tekad INTEGRITI Fasa III (2014-2018).

Program *Roadshow* INTEGRITI 2018/2019 (RI2018/19)

diharapkan untuk dilaksanakan sebanyak 16 siri dan meliputi semua negeri di Malaysia termasuk Perlis.

Sebanyak 4 siri telah dilaksanakan pada tahun 2017.

Syabas saya ucapkan

Selain itu, pengumpulan data adalah berdasarkan fakta-

fakta sekunder yang diperoleh melalui dapatan Kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN), Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Laporan Tahunan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, laporan media massa dan media sosial, dan lain-lain.

Hadirin sekalian,

Terdapat beberapa objektif bagi roadshow integrity yang diadakan pada kali ini seperti melaporkan dan mendapatkan maklumbalas status integriti di negeri-negeri (profil negeri) bagi tujuan penambahbaikan dan menangani jurang yang dibangkitkan dalam laporan tersebut. Selain itu, objektif seterusnya adalah dapat memberikan penerangan mengenai manfaat dan kelebihan instrumen integriti yang boleh dilaksanakan di

peringkat organisasi dan mendapatkan input awal bagi penyediaan laporan Tekad INTEGRITI Fasa III (2014-2018). Program ini juga dapat membangunkan pelan integriti negeri berdasarkan hasil dapatan bengkel hala tuju (tiga isu utama dan tiga mekanisma penyelesaian).

Di KUIPs, saya sentiasa mengingati Pengurusan Tertinggi dan juga diri saya sendiri supaya sentiasa memantapkan asas moral dengan menetapkan dan menunjukkan tahap etika yang tinggi agar dapat memberi contoh yang baik kepada kakitangan – kakitangan serta kepada para pelajar Kolej Universiti Islam Perlis.

Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara kita harus bijak mengurus kejayaan, serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan

etika dan integriti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Akhir kata saya mewakili seluruh warga KUIPs ingin merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabilahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Salam Hormat dan Terima Kasih.